



Anime Fantasia 2026 Menampilkan Airi Suzuki, noa dan KLP48 di Arena of Stars untuk Sambutan J-Pop Penuh Tenaga

Genting Highlands, 1 December 2025 – Satu pentas dan tiga bintang bakal menghidupkan sambutan Tahun Baharu dengan tenaga J-pop. Resorts World Genting membuka tirai 2026 dengan perayaan anime dan budaya pop yang penuh bertenaga melalui penganjuran *Anime Fantasia Live* di RWG dari 29 Disember 2025 hingga 3 Januari 2026. Sepanjang enam hari, peminat akan disajikan dengan pengalaman festival yang memukau, merangkumi reruai pameran ACG, jualan barangan rasmi, pertandingan cosplay harian, permainan mini, sesi bertemu peminat serta pelbagai aktiviti menarik. Resorts World Genting bakal menjadi destinasi otaku paling dinantikan hujung tahun ini.

Acara kemuncak berlangsung pada 3 Januari dengan sebuah konsert penuh bertenaga yang menghimpunkan tiga persembahan istimewa di satu pentas. Malam tersebut akan menampilkan ikon J-Pop, Airi Suzuki, yang terkenal sejak penglibatannya dalam Hello! Project Kids, °C-ute dan Buono! sebelum memulakan kerjaya solo yang cemerlang. Dengan karisma dan gaya J-Pop yang memikat hati peminat di seluruh Asia, kemunculan Airi dijangka menjadi detik paling dinantikan oleh peminat di Malaysia.

Turut serta ialah noa (乃紫), penyanyi-penulis lagu Gen-Z yang semakin menyerlah dengan gaya artistik yang unik dan berjiwa muda serta hasil produksi sendiri yang memikat jutaan pendengar di Jepun. Sejak membuat debut pada 2022, beliau meraih populariti melalui lagu-lagu seperti Any angle (全方向美少女), sekali gus menjadikannya antara suara baharu paling menarik dalam J-pop moden. Persembahannya di Resorts World Genting bakal membawa gabungan keunikan dan daya tarikannya yang tersendiri kepada penonton Malaysia buat julung kalinya.

KLP48 menyerikan barisan persembahan sebagai kumpulan idol antarabangsa pertama Malaysia dalam rangkaian global AKB48. Dengan anggota dari Malaysia, Jepun, Indonesia dan Hong Kong, kumpulan berbilang bahasa ini bakal tampil dengan persembahan bertenaga serta pelancaran lagu ikonik Heavy Rotation. Persembahan Tahun Baharu mereka di Arena of Stars dijangka membawa aura idol yang ceria dan menghiburkan, selaras dengan legasi kumpulan 48 di seluruh dunia.

Gabungan ketiga-tiga artis ini bakal mencipta sebuah malam penuh keterujaan yang meraikan muzik dan budaya pop, menggabungkan semangat idol, J-pop kontemporari dan jiwa muda komuniti anime bagi membuka tirai tahun 2026 dengan penuh kemeriahan dan gaya tersendiri.

Tiket berharga RM258 (VIP/Zon Berdiri), RM288 (VIP/Zon Tempat Duduk), dan RM228 (PS1). Caj pemprosesan sebanyak RM4 dikenakan bagi setiap pembelian. Jualan umum dibuka pada 2 Disember 2025, jam 12 tengah hari, di mana ahli GRC Gold dan ke atas boleh menikmati diskaun eksklusif 10% bagi semua kategori apabila pembelian dibuat menggunakan wang tunai, kad kredit atau penebusan ganjaran Genting.

Sama ada anda peminat anime yang setia, penggemar J-pop, atau sekadar mencari permulaan 2026, konsert ini pasti menjadi antara acara paling dinantikan dan mengujakan.

Untuk pembelian tiket atau maklumat lanjut, layari rwgenting.com atau ikuti platform media rasmi kami.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms. Michelle Wong

Head – Public Relations & Communication
Social Commerce and Public Communication
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Mei Yeap Lee Mui

Assistant Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9447
Email: mei.yeap@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global,

termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.